

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
TARIKAT TUJUH (MARTABAT TUJUH) YANG DIBAWA OLEH HAMZAH BIN EMBI**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk mengkaji berkenaan dengan aduan berkenaan dengan ajaran salah yang dibawa oleh Hamzah bin Embi yang dikenali dengan tarikat tujuh (martabat tujuh).

Maka pada 24 Zulhijjah 1413 bersamaan dengan 15 Jun 1993 Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah bersidang untuk mengeluarkan fatwa.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar didalam Islam dan mengambil keputusan seperti berikut :

**"Bahawa dengan ini Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor yang bersidang pada Hari Selasa, 24 Zulhijjah 1413H bersamaan dengan 15 Jun 1993 telah membincangkan dengan panjang lebar hasil siasatan tariqat tersebut sebulat suara ahli yang hadir bersetuju :
bahawa ajaran Tariqat Tujuh yang dibawa oleh Hamzah bin Embi dan pengikutnya adalah menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar dan pengajaran ilmu tauhidnya juga bercanggah dengan ilmu tauhid ahli Sunnah Wal-Jamaah.**

Alasannya ialah :

- i. Guru Tariqat (Hamzah bin Embi) mengakui telah mendapat beberapa keistimewaan dari Allah dan boleh melihat alam ghaib (Kasyab).
- ii. Membaca dua kalimah syahadah semasa bai'ah tidak boleh putus, jika putus bererti memisahkan zat Muhammad dengan zat Allah kerana zat Allah dan Muhammad itu satu.
- iii. Dalam zikir yang keenam selawatnya sangat meragukan di mana zat Muhammad disamakan sifat ketuhanan.
- iv. Membuat rajah-rajah kajian ilmu tauhid yang tidak ada dalam penafsiran para Ulama' tauhid ahli sunnah Wal Jamaah

- v. Guru tariqat (Hamzah bin Embi tidak menunaikan sembahyang Jumaat kerana beranggapan dirinya lebih tinggi martabatnya daripada imam yang ada.
- vi. Tempat bersuluk tidak boleh dikosongkan (ada penunggu) mereka boleh dikecualikan sembahyang Jumaat.

Oleh itu sesiapa yang mempelajari dan mengamalkan hendaklah ditinggalkan dan bertaubat kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 24 Zulhijjah 1413 bersamaan 15 Jun 1993.